

20 DEC 2000

MAJLIS PEGUAM JANJI KERJASAMA PENUH KEPADA KETUA HAKIM BARU

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Majlis Peguam hari ini berikrar untuk memberikan kerjasama penuh kepada Ketua Hakim Negara yang baru Tan Sri Mohamed Dzaiddin Abdullah dan menyatakan rasa bangganya bahawa jawatan itu kini disandang oleh seorang pernah menjadi peguam.

Presidennya Sulaiman Abdullah berkata Majlis Peguam yakin bahawa dengan kepimpinan Dzaiddin, komitmen Malaysia terhadap nilai yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan kedaulatan undang-undang akan diperkukuhkan.

"Majlis Peguam mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan Majlis Raja-raja kerana memberi satu hadiah Hari Raya dan Krismas berbentuk seorang ketua hakim yang amat terkemuka," katanya dalam satu kenyataan.

Dzaiddin menerima waticah pelantikannya daripada Yang di-Pertuan Agong dan mengangkat sumpah memegang jawatan di Istana Negara hari ini, dengan disaksikan oleh Dr Mahathir dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim.

--BERNAMA  
NZ AFY MAI